

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)

TAJUK : BAS SELANGOR

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah hala tuju Bas Selangor dalam gambar pengangkutan awam bagi negeri Selangor memandangkan Kerajaan Selangor dan Kerajaan Pusat kini ditadbir oleh Pakatan Harapan?
- b) Apakah pelan pengangkutan awam bagi Negeri Selangor yang akan dilaksanakan dalam 5 tahun ini?

JAWAPAN:

Soalan (a) dan (b) dijawab bersekali:-

Bas Smart Selangor merupakan inisiatif Kerajaan Negeri dalam mempertingkatkan kesalinghubungan sistem pengangkutan awam di Negeri Selangor dan inisiatif ini turut disokong oleh Kerajaan Pusat terkini dengan menjadikan Negeri Selangor sebagai contoh yang perlu diikuti negeri-negeri lain untuk menyediakan perkhidmatan bas percuma. Oleh yang demikian, perkhidmatan bas ini masih akan diteruskan bagi memastikan *connectivity* di antara pengangkutan awam lain seperti MRT, LRT, BRT dan Komuter. Dengan kerjasama yang baik di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat ini dijangka akan memberi kesan positif terhadap jaringan pengangkutan awam khususnya perkhidmatan bas serta *connectivity* laluan dengan pelaksanaan projek-projek pengangkutan yang lebih bermanfaat kepada Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Awam Negeri Selangor akan melihat keperluan yang lebih penting dalam merealisasikan sasaran untuk mencapai nisbah 60 peratus pengangkutan awam berbanding 40 peratus kenderaan persendirian menjelang tahun 2035. Bagi tujuan ini, kajian pengangkutan di setiap kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor hendaklah dilaksanakan untuk melihat jurang pengangkutan yang perlu diperbaiki mahupun ditambah baik pada masa hadapan serta mengenalpasti sistem pengangkutan yang cekap bagi mengelakkan berlakunya *missing link* dalam *connectivity* pengangkutan awam. Selain daripada itu, nilai tambah yang dicadangkan untuk Bas Smart Selangor akan diperhalusi dengan pelaksanaan

kajian terhadap perkhidmatan dan penerimaan pengguna bagi merangka perancangan jangka panjang yang lebih baik dalam mengurangkan kos serta kebergantungan kepada Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)

TAJUK : KEBAJIKAN GURU KONTRAK KAFA

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri merancang untuk menyerap guru-guru kontrak KAFA yang tiada sijil diploma untuk diserap sebagai kakitangan awam Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri hanya akan melantik guru-guru KAFA tersebut mengikut peraturan Jabatan Perkhidmatan Awam dalam perlantikan yang memerlukan keperluan ikhtisas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PENUTUPAN KILANG

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan secara terperinci kilang yang telah menutup operasinya di Selangor dari 2016-2018.
- Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk membantu pekerja yang telah diberhentikan?

JAWAPAN:

- Jumlah kilang yang telah menutup operasinya di Selangor dari 2016-2018 adalah sebanyak 3,118 buah kilang. Perincian mengikut PBT adalah seperti berikut:

| PBT | Senarai kilang yang tidak beroperasi | | |
|------------|---|-------------|------------------------------|
| | 2016 | 2017 | 2018 |
| MBSA | 118 | 187 | 296 (sehingga 9 Nov 2018) |
| MBPJ | 29 | 37 | 79 |
| MPK | MPK tidak mempunyai maklumat yang lengkap sebab kebanyakan syarikat yang hendak menamatkan lesen perniagaan adalah disebabkan berpindah ke tempat lain atau menjalankan perniagaan lain. Dalam setiap tahun itu bilangan yang membatalkan lesen perniagaan adalah sebanyak 3 hingga 4 kilang sahaja. Bagi mendapatkan maklumat yang lengkap perlu merujuk kepada Jabatan Buruh setiap negeri yang mempunyai data pemberhentian para pekerja di setiap kilang. | | |
| MPAJ | 6 | 9 | 2 |
| MPSJ | 0 | 0 | 0 |
| MPS | 206 | 428 | 517 |
| MPKJ | 285 | 468 | 235 |
| MPSp | 3 | 3 | 3 |
| PBT | Senarai kilang yang tidak beroperasi | | |
| | 2016 | 2017 | 2018 |
| MDKL | 1 | 0 | 0 |
| MDHS | PBT tidak mempunyai maklumat | | |
| MDKS | 77 | 61 | 67 (sehingga Okt 2018) |

| | | | |
|--------|------------|--------------|--------------|
| MDSB | 1 | 0 | 0 |
| JUMLAH | 726 | 1,193 | 1,199 |

- b) Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil inisiatif dalam menganjurkan program program tersebut bagi membantu pekerja yang telah diberhentikan di Selangor seperti berikut:

i. **Program Karnival Kerjaya - Selangor Job Fair**

Program Karnival Kerjaya - *Selangor Job Fair* adalah kerjasama dengan Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Job Malaysia iaitu sebuah program yang memberi peluang kepada rakyat Selangor bagi mendapatkan pekerjaan. Program ini akan dilaksanakan sebanyak dua (2) siri pada tahun 2018. *Selangor Job Fair* siri satu (1) telah diadakan pada 4 Ogos 2018 bertempat di *Shah Alam Convention Centre*, Shah Alam. Sebanyak 5,359 peluang pekerjaan telah ditawarkan dan daripada jumlah tersebut seramai 3,177 calon telah berjaya mendapat pekerjaan.

ii. **Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS)**

Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) iaitu sebuah program latihan keusahawanan dalam melalui kursus dalam bidang - bidang seperti berikut:

- Kursus Keusahawanan Perniagaan (Ruminan & Unggas)
- Kursus Pemantapan Pemantauan Keusahawanan
- Kursus Percetakan Segera Pentaulahan Sijil SKM Tahap 3: Peserta Urutan Selepas Bersalin
- Kursus Keusahawanan Perniagaan
- (Makanan ternakan dan Rancangan Perniagaan)
- Kursus *Soft Skills* Usahawan Perniagaan & Pengurusan Kewangan (Online)
- Kursus Keusahawanan Perniagaan (Sembelihan Halal & Penyediaan Makanan (BBQ)
- *Mobile Service Aircond*
- Cuci Kasut
- Mobile Barber
- Ayam Gunting
- Terapi Bekam
- Bakery
- *Mobile Spa*
- Dekorasi Pelamin

- Kiosk Sate

Program ini yang diberikan secara percuma merangkumi beberapa kategori iaitu belia, suri rumah, pesara dan ibu tunggal. Pada tahun 2011 hingga 2018, terdapat 3,248 orang peserta yang telah terpilih untuk menyertai Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS). Daripada jumlah tersebut, seramai 2,436 orang peserta (75%) telah berjaya menjana pendapatan melalui program tersebut. Purata pendapatan bulanan mencatatkan jumlah tertinggi bagi purata pendapatan berjumlah RM500 - RM2,000 sebulan melalui 1,712 orang peserta (52.71%).

iii. **Program Inisiatif Kemahiran Teknikal & Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS)**

Pada tahun 2018, Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) telah diperkenalkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali sewaktu Belanjawan 2018 Negeri Selangor dengan peruntukan sebanyak RM52,000,000 setahun. Kerajaan Negeri Selangor akan memberi pembiayaan kepada 2,000 belia Selangor dalam pelbagai bidang kemahiran melalui kerjasama dengan Strand Aerospace, INPENS, Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC), dan SST & Consultancy Academy. Program kemahiran ini menawarkan pelbagai latihan teknikal dan vokasional seperti industri aeroangkasa dan indutri halal kepada belia Selangor dalam tempoh tertentu di mana setelah tamat program kemahiran ini, belia – belia ini akan diserapkan sebagai tenaga mahir di dalam pasaran industri – industri di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : SENGGARAAN PARIT, LONGKANG SERTA JALAN KEBUN / LADANG

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan pusingan bulan senggaraan bagi Parit & Saliran khususnya di DUN Permatang.
- b) Nyatakan Bajet serta jadual pusingan senggaran.

JAWAPAN:

- a) Parit-parit saliran kampung telah di selenggara mengikut kepada peruntukan yang telah diberikan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran.

Pada tahun 2018, kerja-kerja penyelenggaraan telah di bahagikan kepada empat bahagian iaitu :-

1. Kerja-kerja Sebutharga - 10 kerja telah dilaksanakan
2. Kerja-kerja Undi - 15 kerja telah dilaksanakan
3. Kerja-kerja kecemasan - 21 kerja telah dilaksanakan
4. Kerja-kerja Tebasan parit oleh JKPK kampung tiga pusingan dalam setahun.

Skop kerja bagi kerja-kerja sebutharga, kerja undi dan kerja kecemasan adalah cuci gali parit, membaiki pintu air dan pengukuhkan tebing parit dan sungai.

- b) Peruntukan yang telah dibelanjakan bagi tujuan penyelenggaraan bagi tahun 2018 adalah seperti berikut :-
 1. Bagi kerja-kerja sebutharga sebanyak RM 900,000.00
 2. Bagi kerja-kerja undi sebanyak RM 360,000.00
 3. Bagi kerja-kerja kecemasan RM 200,000.00
 4. Bagi kerja-kerja tebasan tiga pusingan ketua kampung JKPK sebanyak RM 400,000.00

JUMLAH KESELURUHAN SEBANYAK : RM 1,860,000.00

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat kes aduan bahawa pemohon ditawar rumah tetapi tiada proses lanjutan dilakukan. Selepas berkomunikasi dengan pemaju berkenaan, didapati tiada rumah ditawar walaupun projek telah disiapkan beberapa tahun yang lalu. Pihak manakah yang bertanggungjawab untuk memastikan proses jualbeli dijalankan dengan lancar?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan proses penawaran nama Rumah Selangorku kepada pemohon-pemohon yang layak berdasarkan syarat dan kriteria yang telah ditetapkan. Pemilihan nama pemohon yang layak dibuat melalui Jawatankuasa Pemilihan Senarai Nama Pemohon Rumah Selangorku dan Hartanah Harga Kawalan Negeri Selangor yang berperanan sebagai penyemak dan memperakarkan senarai nama-nama pemohon yang berdaftar dalam Sistem Pendaftaran di LPHS sebelum dibawa kepada pertimbangan untuk kelulusan YB Setiausaha Kerajaan Negeri. Susulan daripada itu, pemohon yang layak dikehendaki untuk mengemukakan dokumen sokongan untuk semakan dan pengesahan daripada LPHS sebelum surat tawaran dikeluarkan kepada pemohon setelah memenuhi syarat yang ditetapkan.

Selepas pengeluaran surat tawaran tersebut, pemohon dikehendaki berurusan terus dengan pihak pemaju bagi meneruskan proses pembelian Rumah Selangorku melibatkan proses pemilihan unit, proses pinjaman perumahan dengan pihak institusi kewangan/bank, urusan perjanjian jual-beli sehingga proses penyerahan unit kepada pemohon. Selepas pengeluaran surat tawaran tersebut, pemaju dikehendaki mengemukakan status pemakluman kepada pihak LPHS berhubung status penerimaan dan penolakan pemohon berdasarkan pengemaskinian yang dikemukakan oleh pihak pemaju kepada pihak LPHS selepas tempoh 2 bulan daripada tarikh kelulusan nama tersebut. Selepas tempoh tersebut, senarai nama gantian baru akan dikeluarkan melalui Jawatankuasa Pemilihan Senarai Nama Pemohon Rumah Selangorku dan Hartanah Harga

Kawalan Negeri Selangor kepada pemaju berdasarkan kekosongan unit yang telah dikemaskini oleh pemaju melalui penerimaan dan penolakan pemohon terkini.

Berdasarkan situasi yang dibangkitkan Yang Berhormat, selagi status pendaftaran pemohon di atas talian sesawang LPHS masih berstatus ‘*ditawarkan*’ maka baki unit tersebut masih ada untuk ditawarkan kepada pemohon tersebut. Sekiranya berlakunya kes tersebut, pemohon boleh membuat aduan kepada pihak LPHS untuk menjalankan siasatan lanjut berhubung kes tersebut dan seterusnya membantu pemohon untuk ditawarkan unit oleh pihak pemaju. Ini kerana, peranan LPHS hanya memastikan penawaran nama dibuat kepada pemohon adalah benar-benar layak dan memenuhi syarat/kriteria yang ditetapkan dan tidak terlibat secara langsung dalam proses urusan pembelian unit. Dalam hal ini adalah menjadi tanggungjawab pemaju dalam memastikan proses tawaran yang dibuat secara telus dan adil kepada pemohon sehingga proses pemilikan Rumah Selangorku.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PUSAT HEMODIALISIS

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri berhasrat menambah bilangan pusat-pusat hemodialisis percuma untuk kegunaan rakyat?

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini, Kerajaan Negeri bekerjasama dengan 88 buah pusat rawatan dialisis swasta sedia ada yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memberikan perkhidmatan rawatan dialisis kepada pesakit kegagalan buah pinggang di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri juga sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan mana-mana pusat rawatan swasta yang terdapat di negeri yang bersempadan seperti Kuala Lumpur, Perak dan Negeri Sembilan bagi memudahkan pesakit untuk mendapatkan rawatan yang berhampiran dengan kediaman.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : POTONGAN PEMUTUAN PADI

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa potongan pemutuan padi adalah terlalu tinggi dan tidak selaras pada musim ini di Tg. Karang?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk membela nasib petani yang kehilangan pendapatan akibat potongan pemutuan padi yang tinggi?

JAWAPAN:

- a) Potongan padi di Tanjung Karang dan keseluruhan Negeri Selangor bagi padi benih adalah 14 peratus manakala padi biasa di antara 20 hingga 27 peratus. Antara faktor yang menyebabkan potongan yang tidak selaras ialah kualiti padi yang terjejas akibat serangan perosak, padi dituai dalam keadaan basah (hujan), padi muda dan kotoran akibat bendasing seperti hampa dan sampah.
- b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian sentiasa menitikberatkan penghasilan padi yang berkualiti dan mampu menghasilkan pendapatan yang berpatutan kepada petani. Jabatan Pertanian menyediakan bantuan dalam bentuk input pertanian seperti baja, jentera kecil, pengapur dan khidmat nasihat. Di pihak Kerajaan Persekutuan, subsidi harga padi kini telah dinaikkan daripada RM300 setan kepada RM360 setan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : SAMPAH HARAM

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan oleh Kerajaan Negeri bagi membendung kegiatan pembuangan sampah (industri) haram di dalam kawasan DUN Pelabuhan Klang terutamanya di Pulau Indah seperti dilaporkan oleh media antarabangsa (The Japan Times pada 26/10/2018)?

JAWAPAN:

- a) Diantara tindakan yang diambil oleh Majlis Perbandaran Klang bagi membendung kegiatan pembuangan sampah industri ini adalah dengan menetapkan setiap kilang yang memperbaharui lesen disyaratkan supaya melantik kontraktor sisa industri sebelum lesen perniagaan boleh diperbaharui. Manakala bagi kilang yang tidak mempunyai lesen tindakan penguatkuasaan dikenakan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)

TAJUK : PENIPUAN TANAH

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat berapa banyakkah kes penipuan tanah melibatkan penjualan lot-lot tanah di Selangor?
- b) Apakah kaedah-kaedah yang diambil oleh Pejabat Tanah untuk membasmi penipuan-penipuan melibatkan tanah di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) tidak menerima aduan penipuan tanah secara rasmi yang melibatkan penjualan lot-lot tanah atau lot lidi. Maklumat diperolehi daripada Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Bahagian Unit Jenayah Tanah, Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak melaporkan secara spesifik mengenai kes penipuan penjualan lot-lot tanah. Walau bagaimanapun, berdasarkan statistik kes penipuan urusan tanah yang dilaporkan, sebanyak 136 jumlah kes penipuan yang berlaku di Negeri Selangor yang melibatkan urusniaga pindahmilik tanah dari tahun 2010 sehingga 30 September 2018. Sekiranya terdapat mana-mana pihak yang telah menjadi mangsa penipuan, diminta untuk tampil membuat laporan kepada pihak berkuasa dan Pejabat Daerah dan Tanah dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS).
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, kaedah-kaedah yang diambil oleh Pentadbiran Tanah Negeri Selangor untuk membasmi penipuan penjualan tanah-tanah lot di Negeri Selangor adalah dengan cara **menolak** semua permohonan Pendaftaran Surat Ikatan Amanah bagi semua lot-lot tanah pertanian (lot lidi) atas semua alasan berkuatkuasa mulai 28 September 2018 sehinggalah satu dasar yang berkaitan dirangka dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Penolakan ini akan terpakai di semua Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS).

Pentadbiran Tanah Negeri Selangor telah menggunakan kaedah biometrik melalui

penggunaan Sistem SELAMAT dalam setiap urusan perserahan urusniaga dan bukan urusniaga. Pentadbiran Tanah Negeri Selangor juga telah bekerjasama dengan Jabatan Kehakiman Malaysia untuk menyemak Surat Kuasa Wakil (*Power of Attorney*) melalui Sistem *e-Filing*. Usaha-usaha tersebut dapat mencegah aktiviti penjualan lot-lot tanah secara berleluasa tanpa mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Pihak Berkuasa Perancang (JPBD).

Selain itu, pelbagai medium digunakan bagi mewujudkan kesedaran di kalangan orang awam melalui hebahan informasi berkenaan risiko pembelian lot-lot tanah di media sosial seperti *Facebook* dan Portal rasmi jabatan. Hebahan ini turut dipanjangkan ke Majlis Peguam Negeri Selangor untuk makluman. Khidmat nasihat berterusan juga diberikan kepada mereka yang hadir terus ke Pejabat Tanah dan Daerah (PDT) dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS). Langkah-langkah ini dapat melindungi kepentingan masyarakat agar tidak mudah terpedaya dan menjadi mangsa kepada pihak yang tidak bertanggungjawab.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH
(N55 DENGKIL)

TAJUK : PEMBANGUNAN MERAKYAT DALAM KAWASAN CYBERJAYA

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak rumah mampu milik telah dibina di Selangor melibatkan kawasan Dengkil dan berapa rumah melebihi RM300,000 dibina dalam tempoh yang sama?
- b) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk menambahkan atau merangsang pembinaan lebih banyak rumah kos murah khususnya oleh pemaju swasta?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut rekod di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), jumlah unit Rumah Selangorku yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi kawasan/ Mukim Dengkil adalah sebanyak 9 projek yang melibatkan 5,784 unit. Sebanyak 2 projek dengan 1,158 unit telah siap dibina dan 7 projek lagi yang terdiri daripada 4,626 unit sedang dalam pembinaan.

Bagi data jumlah unit rumah yang berharga RM300,000 dan ke atas, ianya merupakan kategori Rumah Harga Bebas dan pihak LPHS tidak mempunyai rekod tersebut. Rumah Harga Bebas dikawal selia oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah menambahbaik dasar-dasar perumahan sedia ada agar ianya sentiasa relevan dengan keadaan semasa selain menjadi pemangkin kepada pemaju swasta untuk memperbanyakkan lagi Rumah Selangorku terutamanya Jenis A. Berdasarkan Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangorku (Rumah Selangorku 2.0) yang berkuatkuasa pemakaianya bermula pada 02 April 2018, bagi mana-mana tanah / tapak cadangan yang terletak di zon 1 pembangunan dengan keluasan melebihi 5 ekar dan ke atas dikenakan syarat penyediaan 10% Rumah Selangorku Jenis A, bagi zon 2 pembangunan yang berkeluasan 20 ekar ke atas turut dikenakan 10% Rumah Selangorku Jenis A manakala bagi zon 3 yang berkeluasan 50 ekar dan ke atas juga dikenakan 10% Rumah Selangorku Jenis A. Penyediaan Rumah Selangorku Jenis A disyaratkan kepada semua pemaju perumahan sama ada

terdiri daripada pemaju swasta, kerajaan atau Anak Syarikat Kerajaan Negeri / Persekutuan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, selain menambahbaik dasar, beberapa insentif telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri sebagai galakan kepada pemaju swasta untuk membina lebih banyak Rumah Kos Murah (Rumah Selangorku Jenis A). Antara insentif adalah seperti berikut :

- i) Mbenarkan peningkatan densiti pembangunan di antara 90 unit per ekar sehingga 120 unit per ekar tertakluk kepada zon pembangunan dengan mengambil kira kesesuaian lokasi / tapak cadangan, kemudahan infrastruktur seperti jalan keluar masuk (keperluan Laporan "Traffic Impact Assessment" (TIA) dan keperluan mematuhi syarat teknikal yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- ii) Menyediakan Pusat Setempat (One Stop Centre) di LPHS melalui Jawatankuasa Induk Rumah Selangorku bagi membincangkan komponen penyediaan Rumah Selangorku dan memudahkan / mempercepatkan proses-poses permohonan / kelulusan.
- iii) Mempromosikan / menyebarluaskan projek-projek Rumah Selangorku yang dibina oleh pemaju swasta melalui media massa, media elektronik dan pameran harta tanah supaya diketahui oleh rakyat jelata bagi memudahkan rakyat membuat semakan / permohonan.
- iv) Saling mendapatkan / mengemukakan senarai pembeli yang layak untuk membeli unit-unit Rumah Selangorku kepada pemaju swasta supaya hanya mereka yang benar-benar layak sahaja dapat membeli unit-unit berkenaan (sampai kepada golongan sasar).

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)

TAJUK : INFRASTRUKTUR SEKOLAH

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kebanyakan SMK dan SK di Negeri Selangor menghadapi isu kerosakan infrastruktur sekolah, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu SMK dan SK?
- b) Adakah pemohonan Skim Bantuan Sekolah Negeri Selangor akan dibuka kepada SMK dan SK?

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai sebarang peruntukan untuk penambahbaikan infrastruktur Sekolah Menengah (SMK) dan Sekolah Kebangsaan (SK). Namun begitu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pendidikan boleh mempertimbangkan sebarang bentuk bantuan yang diperlukan oleh pihak sekolah sekiranya menghadapi masalah berkaitan dengan isu keselamatan atau bencana alam.
- b) Kerajaan Negeri akan menjalankan kajian terlebih dahulu. Memandangkan jumlah SK dan SMK di Negeri Selangor yang agak besar masing-masing sebanyak 649 buah dan 229 buah sekolah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM DI KUALA LANGAT

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pengangkutan awam di Kuala Langat berada dalam keadaan yang tidak memberangsangkan berikutan perkhidmatan syarikat bas swasta yang tidak menentu dan tidak efisien. Apakah langkah langkah yang akan diambil untuk mengatasi perkara ini dengan Kementerian Pengangkutan khususnya Agensi Pengangkutan Awam Darat?

JAWAPAN:

- a) Penyediaan pengangkutan awam yang efisyen dan menyeluruh adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Namun, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa menyokong segala pembangunan pengangkutan yang dirancang bagi memastikan taraf sistem pengangkutan awam khususnya di daerah-daerah diperbaiki dan ditambah baik dari semasa ke semasa. Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) selaku pengawalselia pengangkutan awam dan badan pemantau keberkesanan perkhidmatan seperti bas dan teksi di seluruh Malaysia memainkan peranan penting dalam memastikan kemudahan pengangkutan awam tidak terjejas oleh ketidakcekapan perkhidmatan bas awam. Oleh yang demikian, isu-isu berkaitan pengangkutan awam di Negeri Selangor sentiasa dibangkitkan oleh Pihak-pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor kerana penglibatan APAD di dalam mesyuarat ini sebagai ahli tetap Jawatankuasa dapat memberikan maklum balas serta tindakan segera dapat diambil jika syarikat bas awam tidak memberikan perkhidmatan mengikut kelulusan permit yang dibenarkan.

Bagi perkhidmatan bas di Kuala Langat, laluan bas yang terlibat dengan masalah operasi syarikat bas tersebut telahpun ditukar dan digantikan dengan syarikat lain yang lebih berkemampuan memberikan perkhidmatan terbaik di kawasan tersebut. Pihak Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) juga telahpun mengadakan perbincangan bersama wakil Ahli Parlimen Kuala Langat dan APAD berhubung perkara berkenaan termasuk masalah ketiadaan terminal bas di Kuala Langat disebabkan penutupan laluan serta terminal Bas Banting oleh syarikat berkenaan. Lanjutan daripada itu, penempatan sementara untuk kemudahan perkhidmatan bas henti-henti telah disediakan oleh MDKL.

Dalam meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam di Kuala Langat, MDKL telah mengenalpasti lokasi yang bersesuaian bagi cadangan pembinaan terminal bas dan teksi iaitu di tapak kemudahan awam yang berkeluasan 2.018 ekar, manakala bagi memantau efisiensi pengusaha bas, MDKL mewajibkan kepada semua pengusaha bas untuk menghantar laporan jumlah penumpang pada setiap bulan untuk dilaporkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur MDKL.

INFO TAMBAHAN

- (1) 2 Jenis perkhidmatan bas yang terdapat di Kuala Langat :
 - I. Bas henti-henti berbayar
 - II. Bas percuma – Bas Smart Selangor
- (2) Isu penamatan operasi bas oleh Syarikat Kenderaan Klang Banting (Cityliner) pada 16 Julai 2018 melibatkan

| Bil. | Laluan Bas | No. Laluan Bas | Jumlah Bas |
|-------------|--------------------------|-----------------------|-------------------|
| 1. | Banting - Klang | 730 | 5 |
| 2. | Banting – Putrajaya | 731 | 3 |
| 3. | Banting – KLIA | 732 | 2 |
| 4. | Banting – Tanjung Sepat | 733 | 2 |
| 5. | Banting – HAB Pasar Seni | 734 | 5 |
| 6. | Banting – Bukit Cheeding | T730 | 4 |

- (3) Penggantian operator baru bagi laluan yang terlibat :

| Bil. | Pengendali (Operator) | No. Laluan Bas | Destinasi |
|-------------|------------------------------|-----------------------|-----------------------------------|
| 1. | Wawasan Sutera | 730 | Banting – Klang |
| | | 733 | Banting – Tanjung Sepat |
| | | T730 | Terminal Banting – Bukit Cheeding |
| | | 734 | Banting – Hab Pasar Seni |
| 2. | Nadi Putra | 731 | Banting – Dengkil – Putrajaya |
| 3. | KR Travel | 732 | Banting – KLIA |
| 4. | Bas Smart Selangor | KL01 | Banting – ERL Salak Tinggi |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

TAJUK : MAAHAD HAMIDIAH KAJANG

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan bantahan dan aduan daripada pihak sekolah dan PIBG Maahad Hamidiah Kajang terhadap projek pembinaan bangunan The Louvre di hadapan sekolah tersebut yang didakwa mengancam keselamatan dan mengganggu pembelajaran para pelajar sekolah tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pihak MPKj telah mengadakan beberapa mesyuarat bersama – sama *Task Force Selamatkan Maahad Hamidiah Kajang*, PIBG, SMKA Maahad Hamidiah dan pihak pemaju pada 27 April 2015, 12 Mei 2015 dan 21 Mei 2015 bagi membincangkan dan menyelesaikan isu bantahan dan aduan tersebut.

Pihak MPKj juga telah menyediakan kertas berkaitan isu *The Louvre* ke Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Darul Ehsan (MMKN). Berdasarkan keputusan mesyuarat MMKN ke 7/2016 yang telah diadakan pada 24 Februari 2016 telah disahkan oleh MMKN ke 8/2016 pada 2 Mac 2016 telah mengambil maklum perkara-perkara berikut:

- I. Penjelasan oleh Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) berhubung projek, kelulusan cadangan pembangunan seperti Kebenaran Merancang, perakuan Pelan Pra – Hitungan, Pelan Infrastruktur dan Pelan Bangunan serta tindakan – tindakan notis dan kompaun yang diambil oleh pihak MPKj ke atas pemaju.
- II. Pihak MPKj juga memaklumkan bahawa pihaknya telah mengeluarkan kelulusan pembangunan bagi projek *The Louvre* setelah mengambil kira semua aspek berkaitan termasuk pematuhan Rancangan Tempatan, Garis Panduan Perancangan, peruntukan undang-undang yang berkaitan serta ulasan dan sokongan jabatan teknikal. Pihak MPKj turut memaklumkan bahawa kelulusan jalan masuk yang diberikan oleh MPKj kepada pemaju adalah terikat dengan pelan konsep yang diluluskan oleh LLM kepada pemaju;

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)

TAJUK : LAMPU JALAN RAYA

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) *Sub-soalan telah di tolak*
- b) Apakah tindakan yang diambil untuk menerangi balik kawasan yang gelap?
- c) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk ceburi kaedah energy solar untuk terangkan kawasan perkampungan?

JAWAPAN:

- b) Pihak konsesi JKR Negeri sentiasa melaksanakan rondaan dan mengambil tindakan segera bagi aduan yang diterima. Kawasan Ijok sering mengalami isu banyak lampu jalan yang tidak berfungsi disebabkan oleh kegiatan mencuri kabel yang sering terjadi. Walau bagaimanapun, pihak JKR sentiasa mengambil tindakan membaik pulih lampu jalan yang rosak serta sentiasa berusaha memantau persekutuan bagi mengelakkan kejadian berulang.
- c) Melalui Pelan tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor yang dirangka bagi pelaksanaan pada tahun 2015-2018, Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan kepada 8 tindakan utama yang telah di kenalpasti dimana satu daripadanya adalah pemasangan bumbung solar di projek perumahan selangorku

Pada tahun ini, Kerajaan Kerajaan Negeri dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA Malaysia) telah melaksanakan Projek Perintis Pemasangan Sistem Fotovoltaik (Photovoltaic) di Kampung Orang Asli Sungai Relang yang melibatkan kos sebanyak RM439,200.00. Kerajaan Negeri buat masa ini belum bercadang untuk melaksanakan pemasangan solar di semua kawasan kampung di Negeri Selangor kerana ianya memerlukan peruntukan kewangan yang besar sekiranya hendak dilaksanakan. Sungguhpun begitu, Kerajaan Negeri bersedia untuk membantu kampung-kampung yang mempunyai keperluan mendesak terhadap tenaga elektrik seperti Kampung Orang Asli yang masih tidak mempunyai tenaga elektrik sehingga kini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : WARGA EMAS DI SELANGOR

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Apakah program-program yang wujudkan untuk warga emas di Selangor?
- Apakah bantuan kebajikan yang ada untuk warga emas yang miskin?

JAWAPAN:

- Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan telah melaksanakan program Intergenerasi Warga Emas Bersama Golongan Remaja dan Kanak-kanak dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor di daerah Sabak Bernam dan Sepang. Program ini bertujuan untuk menyantuni golongan warga emas bersama golongan muda melalui aktiviti-aktiviti seperti aktiviti kemasyarakatan, perkongsian ilmu, penerangan mengenai kesihatan warga emas serta persediaan mendepani negara yang semakin tua.

Selain itu juga, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Majlis Perbandaran Subang Jaya telah menjayakan Program Rekreasi dan Riadah Bersama Golongan Warga Emas dengan penubuhan Pusat Aktiviti Kepada Golongan Warga Emas di Kompleks Kemudahan Kemasyarakatan MPSJ. Penubuhan pusat aktiviti ini bertujuan untuk memberi ruang dan kemudahan kepada golongan warga emas tempatan untuk beriadah, berekreasi dan memberi galakan bagi hidup yang lebih sihat bersama masyarakat setempat.

Begitu juga dengan program-program yang dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor melalui Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang kini berjumlah 8 buah di seluruh Negeri Selangor. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah seperti melaksanakan program keagamaan, program rekreasi, program terapi dan pemulihan, program ceramah kesihatan dan latihan atau kursus yang bersesuaian.

- Bantuan kebajikan yang diberikan kepada golongan warga emas di Negeri Selangor pada masa kini ialah Bantuan Orang Tua (BOT) dengan kadar RM

350.00 sebulan yang disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Perkhidmatan bantuan dan sokongan kewangan kepada golongan warga emas ini adalah bertujuan untuk meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan kehidupan dalam komuniti.

Pemberian bantuan ini tertakluk kepada syarat kelayakan seperti berikut:

- i. Warganegara dan bermastautin di Malaysia
- ii. Warga emas berumur 60 tahun dan ke atas
- iii. Pendapatan Isi Rumah tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Purata Miskin Isi Rumah semasa atau PGK Purata Miskin Per Kapita Semasa; dan
- iv. Warga emas yang bukan tinggal di:
 - a. Institusi kendalian JKM; atau
 - b. Pusat jagaan harian/ berkediaman yang memberi kemudahan / perkhidmatan secara percuma.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : JAMBATAN

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah ada rancangan menaiktaraf jambatan kecil yang berada di laluan utama dari Beranang ke Semenyih
- b) Apakah ada perancangan menaiktaraf jambatan dengan kemudahan pejalan kaki dan basikal di setiap jambatan laluan utama di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Jalan Berangan ke Semenyih merupakan Jalan Persekutuan FT01. Berdasarkan semakan JKR Negeri Selangor terdapat 2 jambatan yang terlibat di jajaran Beranang ke Semenyih iaitu jambatan di Sg. Rinching dan jambatan di hadapan Balai Polis Beranang. Sehingga kini, pihak Jabatan tiada sebarang perancangan kerja menaiktaraf jambatan tersebut. Pihak JKR Negeri Selangor hanya fokus kepada jambatan yang telah uzur dan rosak seperti yang dilaksanakan di Jambatan Sg. Semenyih dan Jambatan Sg. Michu dalam daerah Hulu Langat.
- b) Cadangan menaiktaraf jambatan dengan kemudahan pejalan kaki dan basikal perlu dikaji berdasarkan isi padu pejalan kaki, pengguna basikal berbanding dengan isi padu kenderaan yang melalui sesuatu jalan. Ini sangat penting disebabkan oleh jalan utama di Negeri Selangor ini direkabentuk dengan kelajuan 70km/jam untuk kegunaan kenderaan bermotor yang mana aspek keselamatan pejalan kaki dan basikal perlu di ambil kira.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : BANTUAN SIHAT SELANGOR

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk meningkatkan had siling bagi bantuan Sihat Selangor dari RM5,000 kepada RM10,000?
- b) Berapakah jumlah permohonan bantuan Sihat Selangor yang berjaya serta rawatan yang diperlukan mengikut pecahan DUN?

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini, Kerajaan sedang mempertimbangkan kadar maksimum yang baru bagi kelulusan di bawah Program Bantuan Sihat Selangor.
- b) Jumlah permohonan Bantuan Sihat Selangor yang telah diluluskan pada tahun 2018 adalah sebanyak 1,778 permohonan. Pecahan mengikut jenis rawatan adalah seperti jadual berikut, manakala pecahan mengikut DUN adalah seperti di Lampiran yang disertakan.

| Jenis Bantuan | Permohonan | | | | |
|------------------------|-------------|---------------------|--------------------|------------------------|---------------------|
| | Lulus | Lulus (RM) | Selesai Pembayaran | Bilangan telah dibayar | Jumlah (RM) |
| Pembedahan kecil | 67 | 274,225.00 | 18 | 18 | 82,986.85 |
| Katarak mata | 198 | 134,225.00 | 138 | 138 | 92,930.00 |
| Dialisis Buah Pinggang | 1120 | 4,815,168.00 | 278 | 278 | 1,616,498.91 |
| Kaki Palsu | 27 | 110,300.00 | 9 | 9 | 38,160.00 |
| Lain-lain | 366 | 913,386.20 | 211 | 209 | 522,567.51 |
| Jumlah | 1778 | 6,247,304.20 | 654 | 652 | 2,353,143.27 |

Jadual Permohonan Bantuan Sihat Selangor sehingga 16 November 2018

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : LAPORAN LUBANG JALAN MELALUI WAZE

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon dilaporkan status terkini kejayaan (kelemahan) sistem laporan jalan rosak melalui Aplikasi Waze.
- b) Nyatakan jumlah aduan diterima, jumlah aduan selesai dan tempoh masa penyelesaian mengikut PBT.

JAWAPAN:

- a) Di antara kejayaan Sistem Laporan Jalan Rosak adalah seperti berikut:-
 1. Integrasi di antara Aplikasi Waze dan Sistem Intelligent Respond (i-RS) Selangor yang membolehkan pelaporan disalurkan secara real-time kepada pihak-pihak bertanggungjawab dan pemantauan secara keseluruhan dapat dilaksanakan oleh pihak Smart Selangor Delivery Unit.
 2. Digunakan oleh kesemua 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor; 9 Pejabat Daerah/Tanah Negeri Selangor dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor termasuk 9 JKR Daerah.
 3. Telah meningkatkan kecekapan penyelenggaraan jalan berlubang, sebagai contoh 80% oleh PBT dan 70% oleh JKR.

Di antara kelemahan Sistem Laporan Jalan Rosak adalah seperti berikut:-

1. Masih belum mendapat penglibatan pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk penyaluran pelaporan melibatkan lebuh raya-lebuh raya di Negeri Selangor.
2. Kesukaran untuk melibatkan pemaju-pemaju, "joint-management-body" (JMB), pihak syarikat utiliti dan pihak persendirian untuk penyaluran pelaporan melibatkan jalan-jalan di bawah penyeliaan pihak-pihak berkenaan.
3. Kekurangan maklumat inventori koordinat-koordinat jalan dan pihak penyelenggara yang menyeluruh menyebabkan berlakunya laporan-laporan yang tidak dapat disahkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

- b) Sepanjang tahun 2018 sehingga tarikh 9 November 2018, sebanyak lebih daripada 19,000 pelaporan disalurkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

Pecahan laporan adalah seperti berikut:-

| Bil. | Pihak Berkuasa Tempatan | Belum Disahkan | Dalam Tindakan | Selesai | Ditolak |
|---------------------------|-------------------------|----------------|----------------|--------------|--------------|
| 1 | MBSA | 1,855 | 1 | 70 | 63 |
| 2 | MBPJ | 387 | 57 | 1,239 | 2,265 |
| 3 | MPSJ | 307 | 105 | 1,062 | 2,836 |
| 4 | MPSp | 45 | 3 | 80 | 1,024 |
| 5 | MPS | 21 | 2 | 424 | 319 |
| 6 | MPAJ | 23 | 0 | 270 | 864 |
| 7 | MPK | 1,297 | 5 | 576 | 433 |
| 8 | MPKj | 1,053 | 120 | 1,151 | 1,362 |
| 9 | MDKL | 5 | 0 | 55 | 152 |
| 10 | MDKS | 0 | 0 | 67 | 8 |
| 11 | MDHL | 39 | 0 | 67 | 13 |
| 12 | MDSB | 14 | 0 | 0 | 0 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 5,046 | 293 | 5,061 | 9,339 |

Secara puratanya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dapat menyelesaikan lebih dariada 60% pelaporan di dalam bulan yang diterima. Ini kerana terdapatnya beberapa situasi yang memerlukan penyelesaian jangka panjang. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa Pihak Berkuasa Tempatan yang Berjaya menyelesaikan lebih daripda 80% pelaporan di dalam bulan yang diterima.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)

**TAJUK : PENGURUSAN MASJID MENGIKUT ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA
ISLAM NEGERI SELANGOR**

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah perancangan Kerajaan Negeri untuk melantik pengurusan masjid mengikut enakmen?
- b) Berapakah anggaran perbelanjaan jawatankuasa yang perlu dilantik mengikut enakmen?
- c) Adakah Kerajaan Negeri telah bersedia dengan modus operasi dan garis panduan untuk tujuan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2016, pihak JAIS telah memulakan perlaksanaan sistem jawatankuasa pengurusan masjid di masjid daerah, diraja dan beberapa buah masjid kariah. Masjid-masjid terpilih telah pun diwartakan di bawah Seksyen 105 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Sistem tersebut akan dikembangkan ke masjid-masjid kariah secara berperingkat dengan mengambil kira keupayaan kewangan MAIS.
- b) Perbelanjaan yang diperlukan bagi menampung keperluan pegawai kakitangan adalah berjumlah **RM98,604.00 setahun** bagi satu-satu masjid. Pegawai dan kakitangan yang dilantik terdiri Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41 sebagai Pengurus, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S29 sebagai Penolong Pengurus dan dua orang Skim Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S19 sebagai Pembantu Pengurus.
- c) Ya , Pihak MAIS dan JAIS telah sedang mewujudkan Garis Panduan Pentadbiran Jawatankuasa Pengurusan Masjid Dan Surau Negeri Selangor. Yang lebih komprehensif sebagai dokumen rujukan para pengurus dalam mentadbir masjid atau surau yang ditadbir melalui kaedah jawatankuasa pengurusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : KEDAI MESIN JUDI HARAM

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Apakah inisiatif Kerajaan Negeri bagi membendung kegiatan kedai mesin judi haram di dalam Negeri ini?
- Berikan statistik serbuan kedai mesin judi haram yang telah dilakukan sehingga kini.

JAWAPAN:

- Antara inisiatif Kerajaan Negeri bagi membendung kegiatan kedai mesin judi haram di Negeri Selangor adalah seperti berikut:
 - Kerajaan Negeri melalui PBT sentiasa menjalankan pemantauan dan tindakan penguatkuasan yang berterusan ke atas premis-premis perniagaan di kawasan masing-masing. Sekiranya aktiviti perjudian secara haram dapat dikesan di mana-mana premis perniagaan, PBT akan mengambil tindakan di bawah:-
 - Undang-Undang Kecil Tred Dan Perniagaan 2007;**
 - Akta Rumah Rumah Judi Terbuka 1953; dan
 - Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan 1995 Negeri Selangor.
 - Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor juga melaksanakan tindakan pantas melalui **pemantauan dan penguatkuasaan bersepadu dan serta merta bersama-sama agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan** terhadap pengusaha yang menyalahgunakan lesen Pusat Hiburan Keluarga / premis untuk tujuan perjudian.
 - Selain itu, lesen Pusat Hiburan Keluarga (PHK) yang didapati disalah gunakan sebagai pusat perjudian akan dibatalkan dan premis tersebut akan ditutup dari beroperasi.

- 4) Pada masa ini, Kerajaan Negeri sedang menyemak Enakmen Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan 1995 (Pindaan) 1998 dan (Pindaan) 2001 untuk ditambah baik agar selari dengan undang-undang lain yang sedang berkuatkuasa seperti Akta Rumah Judi Terbuka 1953, Akta Pertaruhan 1953, Akta Pertaruhan Pool 1967 atau Akta Loteri 1952.
- b) Sehingga bulan Oktober 2018, jumlah keseluruhan serbuan kedai mesin judi haram yang telah dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) khususnya di Negeri Selangor adalah sebanyak **1354 serbuan**. Perincian statistik serbuan mengikut daerah adalah seperti **Lampiran A**.

LAMPIRAN A

| BIL | DAERAH | SERBUAN | TUDUH (SEKSYEN) | | | | | | | | | DALAM SIASATAN | NFA DPP |
|-----|---------------|---------|-----------------|--------------------------|-------------------------------|-----------|----------------|----------------|-------|-------|-------|----------------|---------|
| | | | 4B(a) ARJT | 4B(a) ARJT/3 UUKPS | 4B(a) ARJT/6(1) © A.IMG | 6(1) ARJT | 6(1) EHDTTH | 11(2) EDTTH | 3 UUK | 3 AKT | A/IMG | | |
| 1 | AMPANG | 83 | 14 | | | 2 | 1 | 1 | 6 | | 12 | 3 | 44 |
| 2 | PETALING JAYA | 151 | 63 | | | | | | 28 | | | 40 | 20 |
| 3 | SERDANG | 161 | 89 | | | 1 | 2 | | 8 | | 3 | 34 | 5 |
| 4 | SUBANG JAYA | 103 | 35 | | | | 1 | | 51 | | 5 | 0 | 8 |
| 5 | SABAK BERNAM | 6 | | | | 1 | | | | | 1 | 2 | 2 |
| 6 | SEPANG | 65 | 13 | | | | 3 | 3 | 30 | | 7 | | |
| 7 | KUALA LANGAT | 4 | 2 | | | | | | | | | 1 | 1 |
| 8 | SG BULOH | 127 | 29 | 29 | 1 | | 2 | | 37 | | 2 | 22 | 5 |
| 9 | SHAH ALAM | 64 | | | | | 33 | | | | 10 | 10 | |
| 10 | K/SELANGOR | 95 | 36 | | | | | | | | | 59 | |
| 11 | GOMBAK | 218 | 14 | | | 2 | 45 | | 51 | | 9 | 62 | 5 |
| 12 | KLANG UTARA | 38 | 1 | | | | 11 | | 17 | | 1 | 5 | 3 |
| 13 | KLANG SELATAN | 209 | 11 | | | 1 | 8 | | 75 | | 13 | 91 | 10 |
| 14 | KLIA | 0 | | | | | | | | | | | |
| 15 | KAJANG | 30 | 3 | | | 1 | 2 | | 2 | 4 | 11 | 1 | 6 |
| 16 | H/SELANGOR | 0 | 0 | | | 0 | 0 | 0 | 0 | | 0 | 0 | 0 |

*Sumber Polis Diraja Malaysia (PDRM)